



TEKS UCAPAN



YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

HARI FRANCAIS 2015
DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

23 APRIL 2015

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Yang saya hormati saudara pengacara majlis,

YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad

Ketua Setiausaha KPDNKK

Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali

Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan)

Yang Berbahagia Dato' Zaidon Bin Hj Asmuni
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Datuk Mohd. Latip Sarrugi
Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)

Yang Berbahagia Dato' Syed Kamarulzaman Bin Dato' Syed Zainol Khodki
Shahbudin
Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

Ketua-ketua jabatan,

Ketua-ketua agensi,

Pengarah KPDNKK negeri,

Francaisor-francaisor dan francaisi-francaisi,

Persatuan-persatuan NGO,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan, puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada dalam Majlis Perasmian Program Hari Francais 2015 pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan selaku penganjur program Hari Francais 2015.

3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini, khususnya Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Putrajaya, Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan juga francaisor-francaisor yang mengambil bahagian dalam program-program anjuran kementerian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Program Hari Francais yang diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2014 oleh kementerian bertujuan untuk mempromosikan bidang keusahawanan francais kepada orang awam, penjawat-penjawat awam, golongan pesara dan bakal pesara, lepasan siswazah serta kepada semua yang berminat untuk menceburi bidang francais. Program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran keusahawanan francais kepada golongan sasaran bagi memberi pilihan untuk menceburi bidang perniagaan sesuai dengan motto francais Malaysia iaitu francais untuk semua (*franchise for all*)

5. Objektif program ini secara khususnya bertujuan untuk menyuntik kesedaran keusahawanan francais dan memaklumkan kepada orang ramai tentang inisiatif-inisiatif kerajaan kepada bakal usahawan. Ia juga untuk menawarkan peluang perniagaan francais kepada orang awam dan penjawat awam di samping membuka peluang perniagaan francais kepada koperasi-koperasi. Selain itu, ia juga bertindak sebagai platform bagi para francaisor memasarkan produk serta pakej francais mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan saksikan, suasana di sekitar perkarangan bangunan KPDNKK pada hari ini begitu meriah. Saya menyambut baik usaha sebegini kerana ia selari dengan langkah berjimat cermat yang disarankan oleh kerajaan. Dengan cara ini, kos penganjuran program yang pada kebiasaannya menelan belanja yang tinggi, akan dapat dikurangkan terutamanya daripada segi kos sewaan premis dan logistik.

7. Sepanjang dua hari program ini berlangsung, pelbagai aktiviti menarik berkaitan dengan industri francais telah diatur untuk dimanfaatkan oleh para pengunjung. Pengisian Hari Francais 2015 ini antaranya ialah pameran francais, seminar francais, forum francais, demonstrasi produk dan perkhidmatan francais oleh francaisor, kuiz francais, demonstrasi masakan oleh chef selebriti serta pelbagai aktiviti menarik yang lain.

8. Saya difahamkan bahawa respon yang diterima daripada syarikat francais untuk menyertai pameran sempena Hari Francais 2015 ini adalah begitu menggalakkan. Bagaimanapun, oleh kerana kekangan ruang bangunan di KPDNKK, kementerian hanya dapat menempatkan 54 booth sahaja yang terdiri daripada syarikat francais tempatan dan francais induk syarikat francais antarabangsa untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti makanan dan minuman (F&B), kecantikan dan kesihatan, pendidikan, kedai serbaneka dan lain-lain. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sering melihat jenama-jenama francais ini di luar tetapi pada hari ini, anda berpeluang untuk mengenali dengan lebih lanjut produk dan perkhidmatan mereka melalui kunjungan ke booth-booth pameran mereka.

9. Daripada 54 francaisor yang mengambil bahagian, 15 francaisor adalah merupakan francaisor yang baru didaftarkan di bawah pendaftar francais, KPDNKK. Semua francaisor yang baru ini akan menerima sijil atau lesen francais mereka. Tahniah saya ucapkan!

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Selain daripada francaisor yang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di booth pameran statik, terdapat 17 pempamer berkonsepkan perniagaan *mobile franchise* turut menyertai sesi pameran. KPDNKK menyokong pembangunan konsep *mobile franchise* sebagai satu lagi model perniagaan yang boleh diketengahkan bagi menggalakkan lebih ramai usahawan khususnya usahawan-usahawan muda dan bakal pesara menceburi bidang perniagaan francais secara mudah alih dan bukan konvensional.

11. Perniagaan masa kini tidak boleh terlalu bergantung pada konsep konvensional tetapi perlu ada pendekatan baru selari dengan perubahan ekonomi semasa dan kehendak masyarakat. Saya difahamkan bahawa sebahagian daripada pempamer *mobile franchise* adalah terdiri daripada syarikat francais yang telah berdaftar dengan KPDNKK manakala sebahagian lagi adalah syarikat-syarikat bukan francais yang sedang dibimbing di bawah Program Business In Transformation (B.I.T) anjuran PNS. Melalui program B.I.T ini, mereka bakal difrancaiskan apabila sudah sampai ke suatu tahap yang dikatakan "*ready-to-be-franchised*".

12. Dalam usaha menggalakkan perniagaan *mobile franchise*, saya menyarankan agar kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Perbadanan Putrajaya, DBKL dan PBT lain dipertingkatkan supaya mereka dapat membantu dalam fasilitasi perniagaan berkonsep *mobile franchise* bagi menjadikan ia lebih berstruktur dan mesra perniagaan (*business-friendly*).

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Kementerian bukan sahaja melaksanakan program di peringkat domestik, malahan syarikat francais tempatan turut dibantu dalam mengembangkan sayap ke luar negara melalui program "*Franchise Malaysia Goes Global*". Sehingga hari ini, sebanyak 60 syarikat francais tempatan telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka ke 55 buah negara dengan kejayaan mewujudkan sebanyak 2,380 *outlet* di seluruh dunia. Saya percaya bahawa penyertaan syarikat francais tempatan akan dapat dipertingkatkan melalui penyertaan misi promosi francais Malaysia ke luar negara sepanjang tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya.

14. Saya juga menyarankan supaya industri francais tempatan yang diterajui oleh KPDNKK khususnya Bahagian Pembangunan Francais supaya memperluas dan memantapkan *networking* dan kolaborasi dengan agensi-agensi pembangunan dan pejabat-pejabat perdagangan di luar negara seperti Matrade. Selain daripada itu, inisiatif-inisiatif baru untuk memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan francais juga boleh diwujudkan melalui kerjasama bentuk baru dengan kementerian atau agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia.

15. Kejayaan mewujudkan lebih 2,000 *outlet* tempatan ke serata dunia ini membuktikan bahawa syarikat francais Malaysia juga mampu bersaing dan berdiri sama tinggi dengan syarikat francais dari luar negara dan ini seharusnya membuka mata semua pihak untuk meyakini kemampuan dan daya saing produk-produk dan perkhidmatan francais tempatan.

16. Usaha kerajaan dalam membantu mengembangkan industri francais di negara ini semakin menampakkan kejayaan. Sehingga kini, sebanyak 771 syarikat francais yang terdiri daripada pelbagai sektor telah didaftarkan di bawah pendaftar francais, KPDNKK.

17. Selain itu, industri francais juga telah memberikan sumbangan yang begitu besar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara di mana pada tahun 2014, sebanyak RM25.6 billion atau 2.6 peratus telah disumbangkan kepada pendapatan negara melalui industri francais. Jumlah ini adalah sangat besar dan dijangkakan pada tahun hadapan, ia dapat ditingkatkan dengan sasaran sebanyak RM27.7 billion. Insyaallah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Kejayaan industri francais tempatan dalam memberikan sumbangan kepada ekonomi negara mendapat perhatian serius daripada kerajaan. Pada tahun lepas, kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta kepada industri francais khusus untuk Program Pengantarabangsaan Francais (*internationalization*) bertujuan untuk meningkatkan eksport melalui francais. Saya berharap pemain francais tempatan akan merebut peluang ini dan berusaha untuk memperkukuhkan perniagaan masing-masing sehingga ke luar negara.

19. Sehubungan dengan itu, dalam masa terdekat KPDNKK akan melancarkan '*Enhanced Franchise Development Program*' bertujuan untuk memberikan insentif bagi menggalakkan francaisor tempatan meneroka pasaran ke luar negara.

20. Walau apa pun jua usaha dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan, namun kejayaan sesuatu perniagaan tidak hanya bergantung kepada bantuan dan kemudahan. Yang penting adalah komitmen, kesungguhan, minda yang positif dan keinginan untuk cemerlang. Oleh itu, iltizam, tekad dan kesungguhan untuk berjaya adalah merupakan perkara paling penting bagi menentukan kejayaan seseorang dalam bidang perniagaan.

21. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program hari francais 2015 ini. Saya yakin dengan kerjasama erat daripada semua pihak, industri francais negara akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi pada masa akan datang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Hari Francais 2015.

Sekian.